

Haram jika mudarat

>>Oleh Siti A'isyah Sukaimi

sitiaisyah@hmetro.com.my

SEPANG: Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia memutuskan haram menyertai demonstrasi jalanan sekiranya ia berpotensi menimbulkan kemudaratan termasuk pertumpahan darah, kerosakan harta selain menyebabkan perpecahan di kalangan masyarakat.

Pengerusinya, Prof Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin berkata, tindakan merusuh, mencetuskan kacau-bilau dan merosakkan harta benda awam adalah perbuatan ditegah Islam.

Menurutnya, haram juga bagi umat Islam menyertai demonstrasi yang bermatlamat menjatuhkan sebuah negara sah daripada segi undang-undang.

"Asalkan ia menghasilkan kesan tidak baik dan melanggar undang-undang, sedangkan kita ada pilihan lain, berdosa menyertainya berdasarkan pandangan Ahli Sun-



DR ABDUL SHUKOR...wajib taat pemimpin

nah Wal Jamaah," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan muzakarah jawatankuasa itu yang ke-99, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) yang juga Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Datuk Othman Mustapha.

Dr Abdul Shukor berkata, umat Islam wajib mentaati pemimpin selagi tidak membawa kepada kemusnahan,

malah seharusnya menyukuri keamanan, kemakmuran dan perpaduan dinikmati sejak sekian lama.

Katanya, pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi tunjang pegangan umat Islam di negara ini juga wajib dipelihara dan dipertahankan daripada sebarang anasir negatif kerana ia perisai diri daripada terjebak dengan perlakuan ditegah Allah dan rasul.

"Sebelum bertindak, berfikirilah berdasarkan pandangan agama. Sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, banyak saluran perbincangan yang bermanfaat boleh dilaksanakan tanpa menggadaikan keamanan," katanya.

Mengenai isu lesbian, gay, biseksual dan transeksual (LGBT), Abdul Shukor berkata, secara jelas ia diharuskan Islam dan tidak memerlukan sebarang fatwa.

"Sebagai negara berpaksikan Islam, wajib bagi umat Islam menentang amalan seksual songsang yang jelas diharamkan," katanya.